

# PENILAIAN AKHIR TAHUN


## KERTAS 1

Satu jam

**Arahan:** Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan, iaitu A, B, C dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

- Apakah pandangan masyarakat Barat mengenai tamadun?
  - Penyatuan masyarakat
  - Pencapaian tatasusila luhur
  - Perkembangan perundangan
  - Pembangunan lahiriah diperlukan

- Rajah 1 menunjukkan proses pembentukan tamadun awal dunia.



Rajah 1

- Apakah padanan X dan Y?
- Sungai Nil, Tamadun Indus
  - Sungai Tigris, Tamadun Hwang Ho
  - Sungai Euprates, Tamadun Mesopotamia
  - Sungai Hwang Ho, Tamadun Mesopotamia
- Mohenjo-Daro dan Harappa ialah bandar dalam Tamadun Indus. Apakah keistimewaan kedua-dua bandar tersebut?
    - Mempunyai pelbagai agama
    - Pembinaan secara terancang
    - Berfungsi sebagai pelabuhan
    - Pentadbiran diketuai pendeta
  - Di manakah petempatan awal penduduk Hwang Ho?
    - Sungai Kuning
    - Tapak Banpo
    - Kota Anyang
    - Sungai Huan
  - Bagaimanakah pemerintah Sparta melahirkan semangat patriotik dalam kalangan rakyatnya?
    - Meluaskan jajahan takluk
    - Menubuhkan sistem beraja


- Menggubal undang-undang
- Memperkenalkan sistem ketenteraan

- Kebudayaan Helenistik ialah kebudayaan yang diperkenalkan dalam peningkatan tamadun. Siapakah yang menyebarkan kebudayaan tersebut?
  - Shih Huang Ti
  - Augustus Caesar
  - Alexander the Great
  - Chandragupta Maurya

- Apakah kesan Perang Kalinga kepada Tamadun India?
  - Meruntuhkan hubungan luar
  - Memulakan sistem demokrasi
  - Memansuhkan gelaran maharaja
  - Mengembangkan agama Buddha

- Plato ialah seorang ahli falsafah Tamadun Yunani. Menurut Plato, siapakah yang paling layak menjadi pemerintah?
  - Ahli agama
  - Ahli falsafah
  - Golongan ilmuwan
  - Golongan bangsawan
  - I dan II
  - II dan III
  - I dan IV
  - III dan IV


- Gambar 1 berkaitan simbol Yin dan Yang.



Gambar 1

- Apakah peranan simbol tersebut?
- Proses hubungan luar
  - Proses membuat kertas
  - Proses membuat ramalan
  - Proses perubatan tradisional

- Peta 1 menunjukkan kerajaan maritim di Asia Tenggara.



Peta 1

Mengapakah kerajaan tersebut berjaya meneroka dunia luar?

- Mahir dalam pembinaan kapal
  - Pusat latihan kelautan ditubuhkan
  - Kerajaan asing memberikan bantuan
  - Kegiatan pertanian berkembang maju
- Mengapakah Semenanjung Tanah Melayu mendapat gelaran *Suvarnabhumi*?
    - Pasaran yang luas
    - Tanah yang subur
    - Kaya dengan emas
    - Kedudukan yang strategik
  - Dalam kerajaan awal Asia Tenggara, rakyat biasa takut untuk menderhaka kepada raja. Mengapakah mereka bersikap demikian?
    - Raja menguasai empayar
    - Raja menjadi ketua pendeta
    - Raja adalah bayangan tuhan
    - Raja memiliki kekuatan tentera
  - Wat adalah istilah yang digunakan bagi merujuk rumah ibadat. Di negara manakah istilah tersebut digunakan?
    - Kedah Tua
    - Kemboja
    - Burma
    - Funan

- 14 Jadual berikut berkaitan masyarakat Arab Jahiliah.

Masyarakat Badwi	Masyarakat Hadari
Tinggal di kawasan gurun	Tinggal di kawasan persisiran pantai

- Apakah kesan daripada perbezaan kawasan tempat tinggal tersebut?
- A Sistem barter  
 B Saling bergantung  
 C Percanggahan pendapat  
 D Pencapaian masyarakat
- 15 Maklumat berikut berkaitan gelaran yang diberi kepada seorang wanita Islam.

*Al-thaharah*

- Gelaran tersebut merujuk kepada
- A Aminah bt Wahab  
 B Halimatus Sa'diyah  
 C Aisyah bt Abu Bakar  
 D Khadijah bt Khuwailid
- 16 Apakah peristiwa yang dapat membuktikan kewibawaan Nabi Muhammad SAW?
- A Penerimaan wahyu  
 B berhijrah ke Madinah  
 C Perletakan semula Hajar Aswad  
 D Termeterainya Perjanjian Hudaibiyah
- 17 Dialog berikut berkaitan reaksi masyarakat Arab terhadap Islam.

**Arab** Islam mewajibkan

**Quraisy:** penganutnya menyembah Allah Yang Maha Esa.

**Peniaga:** Saya tak sokong. Kita mesti tentang habis-habisan terhadap Nabi Muhammad SAW dan orang Islam.

- Mengapakah berlaku sedemikian?
- A Takut menghadapi masa depan  
 B Bimbang serangan tentera Islam  
 C Takut perniagaan berhala terjejas  
 D Ketidakefahaman tentang ajaran Islam

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa hijrah.

Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar al-Siddiq telah bersembunyi di situ selama 3 hari sebelum meneruskan hijrah ke Madinah.

- Apakah tempat yang dimaksudkan?
- A Aqabah  
 B Gua Thur  
 C Bukit Nur  
 D Gua Hirak

- 19 Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW mewujudkan persefahaman masyarakat di Madinah?

- A Mewujudkan konsep persaudaraan  
 B Mendapatkan bantuan orang Ansar  
 C Menggubal undang-undang bertulis  
 D Mengakui orang Yahudi sebagai rakyat

- 20 Mengapakah Nabi Muhammad SAW menerima syarat Perjanjian Hudaibiyah walaupun kandungannya lebih memihak kepada Quraisy Makkah?

- A Usaha untuk menawan orang Quraisy  
 B Cara untuk mengelakkan peperangan  
 C Strategi untuk menyebarkan Islam  
 D Taktik untuk menyerang Makkah

- 21 Apakah alasan Nabi Muhammad SAW menukar nama Yathrib kepada Madinah al-Munawwarah?

- A Memajukan ekonomi Islam  
 B Menjadi pusat Tamadun Islam  
 C Melancarkan dakwah Islamiah  
 D Menyatupadukan penduduk Madinah

- 22 Mengapakah Khalifah Abu Bakar al-Siddiq mengambil inisiatif untuk mengumpul tulisan al-Quran?

- A Kewujudan golongan al-Riddah  
 B Kematian ramai hafiz al-Quran  
 C Kemunculan golongan murtad  
 D Kemajuan bidang penulisan

- 23 Rajah 2 menunjukkan jabatan-jabatan yang ditubuhkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab.

- |                                 |
|---------------------------------|
| • Jabatan Tentera               |
| • Jabatan Percukaian            |
| • Jabatan Perbendaharaan Negara |

Rajah 2

Siapakah yang mengetuai jabatan-jabatan tersebut?

- A Amir  
 B Katib  
 C Wazir  
 D Gabenor

- 24 Sistem monarki mula diperkenalkan semasa pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah.

Apakah maksud sistem monarki?

- A Pengaruh politik luar  
 B Pelaksanaan sistem syura  
 C Perkongsian kuasa pembesar  
 D Pemerintahan berasaskan warisan

- 25 Sultan Selim I telah menggunakan gelaran "Pelindung Dua Bandar Suci" pada tahun 1517 dan gelaran ini telah diwarisi hinggalah abad ke-18.

Apakah bandar yang dikaitkan dengan gelaran tersebut?


- I Makkah  
 II Istanbul  
 III Cordova  
 IV Madinah
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 26 S. Q. Fatimi telah mengemukakan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China.

Apakah bukti yang menyokong teori beliau?

- A Penemuan batu nisan  
 B Persamaan bahan penulisan  
 C Penghijrahan pedagang Islam  
 D Kewujudan perkampungan Islam

- 27 Rajah 3 berikut berkaitan dengan pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara.



Rajah 3

X merujuk kepada

- A Aru  
B Pasai  
C Aceh  
D Melaka
- 28 Bagaimanakah Wali Songo berdakwah di Jawa?  
A Membina masjid  
B Mendirikan sekolah  
C Meluaskan empayar  
D Melantik pegawai agama
- 29 Senarai berikut berkaitan nama sultan.

- Sultan Mahmud Shah
- Sultan Mansur Syah

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada nama-nama sultan tersebut?

- A Penyerapan unsur-unsur Islam  
B Pengaruh agama Hindu-Buddha  
C Pengukuhan kuasa pemerintahan  
D Pengiktirafan daripada pembesar
- 30 Maklumat berikut berkaitan adat yang diamalkan di Negeri Sembilan.

Adat Perpatih bersifat matrilineal

- Apakah konsep matrilineal?  
A Mengutamakan anak lelaki  
B Mengutamakan hukum faraid  
C Mengamalkan dasar musyawarah  
D Mengutamakan jurai keturunan ibu

- 31 Gambar 2 berkaitan dengan pendidikan tidak formal.



Gambar 2

Bagaimanakah pendidikan tidak formal sedemikian diperoleh?

- A Pemerhatian  
B Pembacaan buku  
C Pembelajaran di sekolah  
D Pengajaran melalui internet
- 32 Pilih pasangan yang tepat berkaitan kesenian di Negeri-Negeri Melayu.

	Negeri	Kesenian
A	Terengganu	Tarian mak inang
B	Perak	Tarian dabus
C	Johor	Seni dikir
D	Kelantan	Ghazal

- 33 Golongan berikut muncul di Eropah pada Zaman Kemuncak Pertengahan.

- Artisan
- Pedagang
- Ahli Perbankan

Apakah faktor kemunculan golongan tersebut?


- A Kehadiran orang gasar  
B Kelahiran golongan *baron*  
C Kemunculan bandar besar  
D Kekuatan institusi parlimen
- 34 Senarai berikut merupakan tokoh-tokoh Zaman *Renaissance*.

- Thomas More
- Francis Bacon
- William Shakespeare

Apakah bidang yang diceburi oleh tokoh-tokoh tersebut?

- A Muzik C Pemikir  
B Lukisan D Kartografi

- 35 Peta 2 berikut menunjukkan laluan utama pelaut Eropah ke Kepulauan Rempah.



Peta 2

Mengapakah Portugal menjadi pelopor kepada aktiviti penerokaan orang Eropah ke Timur?

- A Menyebarkan tamadun  
B Angkatan tentera yang hebat  
C Galakan daripada pemerintah  
D Mendapatkan barangan mewah
- 36 Maklumat berikut berkaitan Revolusi Pertanian di Britain.

Akta Pemagaran Tanah

Apakah kesan pengenalan akta tersebut?

- A Rakyat kehilangan tanah  
B Penggunaan peralatan baru  
C Petani menjadi peladang yang kaya  
D Perkembangan pengkhususan kerja
- 37 Senarai berikut merupakan syarikat perwakilan asing yang menanam modal di Tanah Melayu.

- Guthrie
- Sime Darby
- Harrison and Crosfield

Apakah sumbangan syarikat tersebut?

- A Perkapalan  
B Perkilangan  
C Perladangan  
D Perlombongan
- 38 Pemodal tempatan telah mengambil inisiatif menubuhkan bank sendiri pada awal abad ke-20. Apakah bank tempatan pertama yang telah ditubuhkan?  
A Bank of Malaya  
B Kwong Yik Bank  
C Ban Chiang Bank  
D Malay National Banking Corporation

39 Senarai berikut adalah undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British.

- Peraturan Tanah Perak 1879
- Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887
- Kanun Tanah Selangor 1891

Apakah kesan pengenalan undang-undang tersebut kepada penduduk tempatan?

- I Pengenalan sistem cukai mengikut jenis tanah
- II Pengutipan hasil hutan dengan kebenaran raja

III Permohonan tanah melalui Pejabat Tanah

IV Pemberian kuasa pada Residen

- A I dan II    C II dan III
- B I dan IV    D III dan IV

40 Maklumat berikut berkaitan dengan wabak penyakit yang berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1910 – 1920.

Jenis Penyakit	Kematian
Malaria	200 000 orang

Apakah tindakan kerajaan British bagi mengawal wabak penyakit tersebut?

- A Mewujudkan Majlis Perbandaran
- B Memperkenalkan Sanitary Board
- C Menubuhkan Jabatan Kesihatan Daerah
- D Mendirikan Institut Penyelidikan Perubatan

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**Bahagian A: Soalan Struktur**

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Peta 1 menunjukkan lokasi Tamadun Indus.



Peta 1

(a) Namakan bandar yang bertanda berikut.

X: \_\_\_\_\_ Y: \_\_\_\_\_ [2 markah]

(b) Mengapakah bandar X dan Y dikenal sebagai bandar terancang dunia?

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [4 markah]

(c) Terangkan sumbangan sikap keterbukaan masyarakat Indus terhadap peradaban dunia.

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [4 markah]

2 Maklumat berikut merupakan penyebaran Islam di kota Makkah adalah dilakukan secara berperingkat-peringkat oleh Nabi Muhammad SAW.

<b>Peringkat</b>	Secara Rahsia	Secara Terbuka
<b>Tempoh</b>	<b>X</b>	<b>Y</b>

(a) Lengkapkan tempoh penyebaran Islam bagi **X** dan **Y**.

**X:** \_\_\_\_\_ **Y:** \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(b) Bagaimanakah penyebaran Islam secara rahsia dijalankan oleh Nabi Muhammad SAW?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[2 markah]

(c) Mengapakah Nabi Muhammad SAW melakukan dakwah secara rahsia pada peringkat permulaan penyebaran Islam?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

(d) Wajarkah dakwah ajaran Islam menggunakan media sosial pada hari ini? Beri alasan anda.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

3 Kerajaan berikut merupakan pusat perkembangan pendidikan Islam di Asia Tenggara.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Samudera-Pasai</li><li>• Aceh</li><li>• Melaka</li><li>• Pattani</li></ul> |
|--|

(a) Senaraikan **dua** institusi pendidikan Islam secara formal di Asia Tenggara.

i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_  
[2 markah]

(b) Bagaimanakah pendidikan formal dilaksanakan di istana?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[2 markah]

(c) Jelaskan kesan pengaruh pendidikan Islam di Asia Tenggara.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

(d) Masyarakat abad ke-21 lebih memberi tumpuan kepada pendidikan arus perdana berbanding pendidikan Islam. Bagaimanakah usaha anda untuk menimbulkan kesedaran kepentingan pendidikan Islam pada masyarakat hari ini?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[3 markah]

- 4 Kedatangan para pedagang Eropah telah memperkenalkan penggunaan mata wang dan penubuhan institusi kewangan di Tanah Melayu.
- (a) Apakah mata wang yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebelum kedatangan pedagang Eropah?
- 
- [2 markah]
- (b) Nyatakan fungsi institusi kewangan semasa penjajahan British di Tanah Melayu.
- 
- [2 markah]
- (c) Huraikan impak penubuhan institusi kewangan di Tanah Melayu.
- 
- 
- [3 markah]
- (d) Penubuhan institusi kewangan adalah untuk kepentingan British berbanding untuk masyarakat Melayu. Beri komen anda.
- 
- [3 markah]

**Bahagian B: Soalan Esei**

[60 markah]


*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 5 Kegiatan ekonomi telah mengalami peningkatan di dalam Tamadun Yunani, China dan India
- (a) Jelaskan perkembangan ekonomi di Yunani. [4 markah]
- (b) Tamadun India telah mengalami kepesatan aktiviti perdagangan sejak abad ketiga Sebelum Masihi. Bagaimanakah berlakunya kepesatan aktiviti perdagangan tersebut? [6 markah]
- (c) Sejauh manakah sumbangan Tamadun China dalam bidang pertanian kepada masyarakat hari ini? [4 markah]
- (d) Bagaimanakah teknologi pertanian Tamadun China dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dalam memperkasakan kegiatan pertanian? Beri penjelasan anda. [6 markah]
- 6 Kemasukan pengaruh Hindu dan di Asia Tenggara bermula melalui jalinan hubungan perdagangan dengan India.
- (a) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha di Asia Tenggara dari segi politik. [6 markah]
- (b) Sejauh manakah perubahan yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara selepas kedatangan Hindu-Buddha? [8 markah]
- (c) Pengaruh luar telah membentuk kepelbagaian unsur budaya di negara kita dari dahulu hingga sekarang. Bagaimanakah generasi hari ini dapat mempertahankan dan mempelajari kepelbagaian budaya tersebut? [6 markah]
- 7 Perjanjian Hudaibiyah telah menyumbang kepada perkembangan syiar Islam.
- (a) Jelaskan latar belakang yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah terhadap perkembangan syiar Islam. [6 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan isi Perjanjian Hudaibiyah yang ketiga dan keempat.
- Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan.
  - Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya perlu dipulangkan semula.
- Berdasarkan isi perjanjian tersebut kelihatan menguntungkan orang Arab Quraisy tetapi Nabi Muhammad SAW yakin Islam akan memperoleh keuntungan dari segi jangka panjang. Beri penjelasan anda. [6 markah]
- (d) Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada perjanjian tersebut? [4 markah]

8 Kerajaan Bani Abbasiyah diasaskan pada tahun 750M.

- (a) Jelaskan sejarah perkembangan kerajaan Bani Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Kota Baghdad berjaya muncul sebagai pusat kegiatan intelektual pada zaman Kerajaan Bani Abbasiyah? [8 markah]
- (c) Sejauh manakah sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah terhadap peradaban dunia dalam kegiatan intelektual? [8 markah]

9 Rajah berikut merupakan undang-undang tidak bertulis masyarakat Melayu yang juga dikenal sebagai adat.



- (a) Jelaskan ciri-ciri Adat Perpatih. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah Adat Temenggung diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional? [8 markah]
- (c) Berikut merupakan kesimpulan bahasa orang Melayu.

Biar mati anak, jangan mati adat

Mengapakah masyarakat Melayu amat mementingkan adat? [6 markah]

10 Maklumat berikut menunjukkan tokoh-tokoh Zaman *Renaissance* yang bermula di Itali pada tahun 1350 – 1600.

- Francesco Petrarch
- Niccolo Machiavelli
- Giovanni Bocaccio

- (a) Berdasarkan maklumat tersebut, mengapakah mereka dikenal sebagai tokoh Zaman *Renaissance*? [6 markah]
- (b) Mengapakah zaman tersebut dikatakan bermula di Itali? [8 markah]
- (c) Bagaimanakah generasi kita hari ini dapat memanfaatkan pencapaian Zaman *Renaissance* di dalam kehidupan kita di Malaysia? Beri penjelasan anda. [6 markah]

11 Gambar 1 menunjukkan perubahan kaedah melombong bijih timah di Tanah Melayu.



Gambar 1

- (a) Berdasarkan Gambar 1 dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang perkembangan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. [4 markah]
- (b) Mengapakah pembesar Melayu tidak dapat meneruskan penguasaan perlombongan bijih timah selepas kedatangan kuasa luar? [6 markah]
- (c) Apakah tindakan yang sepatutnya diambil oleh pembesar Melayu untuk memastikan mereka terus menguasai perusahaan perlombongan bijih timah pada masa itu? [4 markah]
- (d) Jelaskan kesan perkembangan perlombongan bijih timah terhadap negara hari ini. [6 markah]

**TEMA UMUM: Kerajaan Islam di Madinah**

Proses hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah menjadi peristiwa penting bagi umat Islam. Banyak hikmah yang terkandung dalam proses hijrah baginda ke Madinah sehingga menjadi pedoman masyarakat dunia hari ini.

**TUGASAN SPESIFIK**

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan/tugasan berikut:

Aspek	Soalan/tugasan	Markah
Pengenalan	1 Jelaskan maksud hijrah.	5 markah
Isi dan Huraian	2 Orientalis Barat mentafsirkan hijrah secara negatif, iaitu sebagai suatu pelarian yang berbeza dengan konsep Islam. Huraikan pernyataan tersebut.	10 markah
	3 Huraikan faktor-faktor dan peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dan orang Islam.	20 markah
	4 Huraikan kesan hijrah terhadap peradaban dunia Islam.	20 markah
	5 Semangat hijrah mencipta banyak kebaikan. Beri penjelasan.	10 markah
	6 Penghayatan dan pengamalan konsep hijrah dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang cemerlang. Beri penjelasan.	10 markah
	7 Penghijrahan itu merupakan suatu peralihan cara hidup yang kemudiannya akan memberi kesan pada masa hadapan kepada remaja masa kini. Huraikan pernyataan tersebut.	10 markah
	8 Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW? Beri penjelasan.	10 markah
Kesimpulan	9 Sediakan kesimpulan berdasarkan perkara berikut: (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Nilai patriotisme yang diperoleh melalui perkembangan tamadun awal dunia. (c) Harapan untuk menjadikan negara dan bangsa Malaysia kekal unggul di mata dunia.	5 markah